

Khalil Canselor KUTKM

Archival News | Berita Harian | 28/07/2005

MELAKA: Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob (gambar) dilantik sebagai Canselor Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menggantikan Tun Syed Ahmad Shahabudin yang bersara tahun lalu.

Pelantikan itu adalah mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan Perlembagaan KUTKM di bawah perkara 10 (1) dan

(2) bahagian II.

Sehubungan itu, KUTKM akan menganjurkan majlis pengisytiharan pelantikan Canselor dan majlis konvokesyen kali pertama, di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, jam 9 pagi, esok.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Ismail Hassan berkata, seramai 471 graduan akan menerima diploma dan ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen itu termasuk seorang graduan yang akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains

dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

(END) Source : Berita Harian